

Buku ini diterbitkan sempena perisytiharan Bandaraya Johor Bahru
pada 1 Januari 1994

JOHOR BAHRU, Bandaraya Era Baru

diterbitkan oleh
Majlis Bandaraya Johor Bahru

dan dihasilkan oleh
Jawatankuasa Kecil Penerbitan
Sempena Perisytiharan Bandaraya

Penasihat
Haji Shakarom bin Husain

Pengerusi
Haji Mas'ud bin Abdul Rahman

Nash Pengerusi
Matznah bte Ismail

Ahli Jawatankuasa

Profesor Madya Haji Muhd Mansur bin Abdullah
(Universiti Teknologi Malaysia)

Haji Ayub bin Haji Noor
(Persatuan Sejarah Johor)

Haji Ahmad bin Samion
(Majlis Kehidupan Negeri)

Kamaralihi bte Ismail
(Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor)

Kamisah bte Hassan
(Jabatan Pendidikan Daerah Johor Bahru)

Kamdi bin Kamdi
(Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim)

Ashar bin Ahmad @ Salleh
(Universiti Teknologi Malaysia)

Gunsawan Mahmood
(Jabatan Penerangan Johor Bahru)

Shapizar bin Mohd Ramly
(Persatuan Penulis Johor)


Abdul Rahman bin Sulaiman
Abu Bakar bin Sulaiman

Ali bin Haji Mohd Salleh

Kreatif

PGI Cipta Sendirian Berhad

S e l a t T e b r a u




APB 728778


Sedetik masa bertala
Sejuta harapan terkulai layu
Aryik dicumbu kemansian mimpi
Dengan lagu dan kecapi
Pengembara menganjak dahi

Selat Tebrau
Kaulah sakai mata
Paling setia
Jatuh bangun bangaku
Sepanjang usia

Johor Bahru
Januari 1967
Zam Ismail



Bangunan Sultan Ibrahim, lambang negeri yang berdaulat dan merdeka



*Majlis Bandaraya Johor Bahru,
Pihak berkuasa Tempatan yang
bertanggungjawab mencorak
pembangunan bandaraya ini*



Perisytiharan Johor Bahru sebagai bandaraya kelima di negara ini, pada 1 Januari 1994 menjadi detik paling bersejarah bagi Johor Bahru serta seluruh penduduknya. Inilah masanya untuk mereka menghargai serta menghayati bandaraya mereka, mengenang kembali sejarah kegemilangannya, kemajuannya hingga kini serta penglibatan mereka dalam hubungan masa lalu, masa kini dan akan datang.

Johor Bahru, bandaraya yang kini menjangkau usia seratus tiga puluh lapan tahun, telah mengalami berbagai proses peralihan dan perubahan yang begitu nyata sekali. Dari hanya sebuah perkampungan kecil petani dan nelayan, Johor Bahru kini sedang menuju ke suatu era yang lebih mencabar dengan perancangan-perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang terancang dan bersepadu





untuk menjadikan Johor Bahru sebagai "Bandaraya antarabangsa yang unik, menarik dan efisyen."

Penerbitan ini tidak hanya memperlihatkan beberapa aspek sahaja mengenai bandaraya Johor Bahru, kerana kita sebenarnya sedang meniti di tengah-tengah permatang perubahan dan pembangunan yang pesat dalam berbagai kategori. Sesungguhnya sejarah bandaraya Johor Bahru adalah begitu unik dan menarik sekali yang pastinya, begitu sukar untuk dipaparkan kesemuanya di dalam penerbitan yang sebegini terhad. Namun apa yang pasti, matlamat buku ini adalah untuk mengimbau kembali sejarah kegemilangan Johor Bahru dan kemajuan yang berjaya dinikmatinya hingga ke hari ini serta melihat masa depan Johor Bahru sebagai Teknopolis Malaysia di masa akan datang.

Selamat Membaca.

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I.
Menteri Besar Johor





Pemandangan Perhentian Teksi dan Bas
Johor Bahru di sekitar tahun 30an.
Kelihatan juga kereta-kereta lama dan
beca-beca yang digunakan



Deretan kedai di Jalan Campbell
menghala ke Jalan Ungku Puan di
sekitar tahun 1939

Iskandar Puteri

NAMA DIBERI...

Temenggung Daing Ibrahim diiringi oleh
pembesar-pembesarnya seperti Encik

Long mula mencari tempat
yang sesuai untuk dijadikan
bandar dan pusat pentadbiran,

setelah Sultan Ali ibni Sultan

Husain Syah menyerahkan negeri

Johor kecuali jajahan Kesang kepada baginda

pada tanggal 10 Mac 1855. Baginda telah memudiki Kuala Sungai Segget lalu
mendarat di tebing kanan bukit Tanjung Puteri dan mengisytiharkan kawasan
tersebut sebagai 'Bandar Iskandar Puteri'. Di tempat inilah kemudiannya
didirikan dengan rasmi sebuah batu peringatan oleh Almarhum Duli Yang Maha
Mulia Sultan Ibrahim semasa menyambut perayaan 'Jubli Intan' pemerintahan
baginda yang kebetulannya genap seratus tahun bandar Johor Bahru dibuka.

Kerja-kerja merintis dan membina bandar Iskandar Puteri dijalankan dari Teluk
Belanga, Singapura, tempat tinggal baginda dan juga tempat lahir beberapa tokoh
penting dalam sejarah pembangunan Kerajaan Johor moden. Temenggung Ibrahim telah
membangunkan sebuah rumah di atas bukit yang kemudinya disebut 'Bukit Bendera'
dan 'Bukit Timbalan'. Encik Dapat bin Md. Saleh (Datuk Bentara Luar) ditugaskan
sebagai mandur untuk mengawasi kerja-kerja. Kejayaan membuka Iskandar Puteri
merupakan hasil daya usaha bersama beberapa orang tokoh antaranya Encik Abdullah



bin Mohd Tahir (Encik Long) dan Encik Jaafar bin Muhammad (Menteri Besar Johor yang pertama).

Di awal pemerintahan, Temenggung Ibrahim menghadapi masalah kewangan kerana elauan yang dibayar kepada ayahandanya, Temenggung Daing Abdul Rahman dan Sultan Husain Muhammad Syah, kerana menyerahkan Singapura kepada Inggeris pada tahun 1824 tidak mencukupi. Selain daripada bilangan keluarganya yang ramai, perbelanjaan juga terpaksa diperuntukkan untuk membangunkan dan memindahkan kerajaan Johor ke Iskandar Puteri.

Temenggung Ibrahim lalu menitahkan rakyat serta hamba sahayanya mengambil rotan, gaharu dan sebagainya di hutan-hutan Johor, mengeluarkan hasil getah perca dan taban serta hasil-hasil laut. Temenggung juga membenarkan pekerja-pekerja ladang gambir dan lada hitam (orang-orang Cina) di kawasan Tanjung Puteri, terutamanya di sungai-

*Temenggung
Daing Ibrahim*



sungai kawasan selatan Johor seperti Sungai Sekudai (sungai pertama diusahakan sejak 1846), Sungai Pulai, Tebrau, Johor, Air Molek dan lain-lain. Juga diusahakan tanaman teh, kopi, cengkih dan sebagainya.

Dalam tahun 1856, Temenggung Abu Bakar, putera sulung baginda mula menyertai kerajaan setelah menamatkan pelajaran di sekolah Inggeris dalam usianya 20 tahun. Segala yang berhubung dengan orang-orang Eropah dan pemerintah Inggeris di Singapura terletak di bawah urusannya. Dalam tahun 1858, Temenggung Abu Bakar memohon kepada ayahandanya supaya beransur-ansur memindahkan pejabat-pejabat kerajaan ke Iskandar Puteri yang mula dimasuki oleh pedagang-pedagang. Raja atau Engku Cik (Kecil) Ahmad telah dilantik sebagai residen untuk mentadbir bandar Iskandar Puteri. Pejabat kerajaan yang pertama adalah di tepi selat di hujung Jalan Trus.

Selain Temenggung Abu Bakar telah muncul beberapa tokoh kerajaan yang lain di Teluk Belanga seperti Encik Abdul Rahman bin Andak (Datuk Seri Amar Diraja), Munsyi Muhammad Ibrahim bin Munsyi Abdullah (Datuk Bentara Dalam), Encik Md. Khalid bin Munsyi Abdullah (Nazir dan pengasas pelajaran sekolah-sekolah



Pasar lama di Sungai Segget, dibina pada tahun 1908

Melayu Johor), Encik Abdul Samad bin Ibrahim (Datuk Penggawa Barat), Engku Sulaiman bin Daud, Engku Md. Khalid ibni Temenggung Ibrahim dan lain-lain lagi.

Temenggung Abu Bakar bersama tokoh-tokoh tersebut telah menggubal undang-undang bersesuaian dengan undang-undang Inggeris di Singapura dan Melaka seperti undang-undang kemasukan orang-orang asing ke negeri Johor. Demikian juga cara-cara atau undang-undang pentadbiran dan pemerintahan mengendalikan pembukaan bandar Iskandar Puteri itu, mengikut apa yang dijalankan oleh Inggeris di Singapura.



Memandangkan tugas mentadbir bandar Iskandar Puteri dan negeri Johor semakin berat dan bertambah, Temenggung telah memerintahkan supaya Encik Md. Salleh bin Perang (Datuk Bentara Luar), dihantar ke Iskandar Puteri sebagai Ketua Kerani bagi membantu Engku Cik Ahmad. Balai Polis dan mahkamah telah didirikan untuk mengawal keamanan, lalulintas dan perdagangan. Kebanyakan kes



Balai Polis didirikan untuk mengawal keamanan

yang dibawa ke mahkamah adalah berkaitan dengan orang Cina terutama dalam kes hutang piutang kerana dalam tahun 1858, hampir 20 buah sungai telah dibuka oleh orang Cina untuk berladang gambir dan lada hitam. Mereka membuka ladang

menggunakan sistem Kangcu yang bermaksud ketua penduduk sungai. Ketua Kangcu yang terkenal adalah Datuk Tan Heak Nee yang menetap di Jalan Trus. Beliau merupakan orang Cina yang pertama menerima gelaran 'Datuk' di negeri Johor.



Maharaja Abu Bakar

Temenggung Daing Ibrahim mangkat pada 31 Januari 1862 dan tempatnya digantikan oleh Temenggung Abu Bakar. Pembangunan Iskandar Puteri semakin pesat, hasil negeri bertambah dan jalan-jalan raya mula dibina. Jumlah sungai yang diteroka untuk dijadikan ladang gambir dan lada hitam juga turut meningkat kepada 70

bahru dengan hasil yang dapat dikutip hampir 3,000 kawah.

Pada awal Januari 1866, Temenggung Abu Bakar telah mengadakan upacara penuh istiadat untuk menukar nama Iskandar Puteri kepada Johor Bahru. Penduduk-penduduk semakin ramai dan kawasan-kawasan baru mula dibuka.

Pada tahun 1868, Encik Md. Salleh bin Perang telah dinaikkan pangkat sebagai Pesuruhjaya Polis. Di samping itu, beliau bersama-sama dengan Datuk Yahya

Awaluddin, Yang Dipertua Pejabat Tanah dan Ketua Jurutera Jabatan Kerja Raya telah mempelajari kerja-kerja mengukur tanah dengan Tuan Lenglee dan Major Maclum. Pada masa itu, semua jalan dan lorong dalam bandar Johor Bahru adalah hasil rintisan dan binaan mereka.



Peta Negeri Johor yang diusahakan oleh Encik Md. Salleh bin Perang

Encik Md. Salleh berjaya membina beberapa batang jalan seperti dari bandar Johor Bahru. Jalan Trus menuju ke Jalan Tebrau hingga ke Sungai Pandan. Beliau juga berjaya menyiapkan peta negeri Johor dalam tulisan Jawi dan Inggeris pada tahun 1907 yang mengambil masa selama tiga tahun. Peta tersebut telah diperakukan oleh pakar-pakar ukur di London pada tahun 1914.

Pada 11 Disember 1885, Temenggung Abu Bakar telah menandatangani Perjanjian Setia dengan Kerajaan Inggeris di London. Intisari perjanjian tersebut adalah bekerjasama dalam perniagatan, memajukan serta menjaga keselamatan negeri dan jika diperlukan

Kerajaan Johor menerima seorang wakil pemerintah Inggeris (British Agent). Di samping itu, Kerajaan Inggeris mengaku Temenggung

Abu Bakar sebagai Maharaja Abu Bakar dan waris gantinya turun-temurun memakai gelaran 'Sultan'.

Pada tahun 1889, Maharaja Abu



Bakar atau lebih dikenali sebagai 'Bapa Johor Modern' telah berpindah ke Johor Bahru dan seterusnya pusat pemerintahan negeri Johor telah berpindah daripada Teluk Belanga ke Johor Bahru. Pada 14 April 1895, Maharaja Abu Bakar dengan bantuan menterinya, telah membuat 'Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor' yang kemudianya telah dikarang oleh Penasihat Undang-undang syarikat peguam 'Rodyk and Davidson'. Baginda mangkat pada tahun 1895 dan digantikan oleh puteranya Sultan Ibrahim.

Johor Bahru semakin berkembang di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim. Kawasan-kawasan baran seperti di tepi Sungai Cat ditambak dan dibangunkan mahkamah dan hospital. Tembok-tembok juga telah dibina di tepi Selat Tebrau iaitu dari Sungai Segget hingga ke Kampung Tambatan. Mereka yang tinggal di tepi Sungai Cat telah diperintahkan pindah ke Tarom, Kampung Baru dan Kampung Tebrau serta dikurniakan tanah di situ. Ini menjadikan keadaan dalam bandar Johor Bahru semakin kemas dan bersih daripada biasa.

Memandangkan tugas-tugas mentadbir semakin berat, Sultan Ibrahim telah meminta bantuan Inggeris untuk menghantar beberapa orang pegawaiannya. Pada 7 Januari 1910, Douglas G. Campbell dilantik sebagai Penasihat Am Johor yang pertama (General Advisor) dan beberapa orang lagi bagi membantu pentadbiran. Baginda juga telah menitahkan supaya jalan-jalan raya dibina dari sebuah daerah ke sebuah daerah, diadakan perhubungan telefon, telegraf, saluran air dan elektrik.



Aktiviti perniagaan mula berkembang


Pada tahun 1918, Pihak Berkuasa di Negeri Persekutuan menawarkan kepada Kerajaan Johor untuk membina jalan keretapi melalui Selat Tebrau.

Selepas beberapa perbincangan diadakan,

Sultan Ibrahim bersetuju supaya jalan tersebut diperbesarkan dan diperluaskan penggunaannya kepada motokar-motokar dan orang ramai. Kerajaan Johor, Singapura dan pihak Municipal Singapura telah bersetuju menanggung perbelanjaan pembinaan yang berjumlah RM4.7 juta. Kerajaan Johor sendiri mengeluarkan hampir RM3.1juta.

Pada 28 Jun 1924, Tambak Johor telah dibuka dengan rasminya oleh Sir Laurence Guillermard, seterusnya perhubungan antara Johor Bahru dan Singapura menjadi semakin mudah dan dekat.

Tanggal 29 Januari 1942, peristiwa hitam mula melanda Johor Bahru apabila ia terlibat dalam kancang Perang Dunia Kedua. Pagi hari Jumaat, 31 Januari 1942,



Pembukaan rasmi Tambak Johor oleh Sir Laurence Guillermard pada 28 Jun 1924



Tow Bridge, Tambak Johor

perhubungan antara Johor Bahru dan Singapura telah terputus apabila bahagian 'Tow Bridge' Tambak Johor diletupkan. Johor Bahru mula dihujani bom dan peluru, penduduk Johor Bahru terpaksa berlindung ke kawasan-kawasan yang lebih selamat seperti Kempas,

Sungai Tiram, Bukit Lintang, Kota Tinggi dan lain-lain.

Selama tiga tahun lapan bulan lamanya tentera Jepun memerintah, penduduk Johor Bahru terpaksa mengharungi berbagai penganiayaan dan penyeksaan. Padang Sri Gelam menjadi medan untuk menghukum mereka yang didapati bersalah oleh tentera Jepun. Menurut 'States of Johore Annual Report 1946', seramai 5,493 orang Cina, 551 orang Melayu, 44 orang India/Ceylon serta 31 orang Serani telah dihukum bunuh. Ekonomi merosot sementara wabak penyakit seperti cirit-birit, malaria, kepialu dan lain-lain sering mekanda kerana bekalan ubat-ubatan dan rawatan tidak mencukupi.

Selepas tamat Perang Dunia Kedua pada tahun 1946, Johor

Bahru mula dikenali sebagai pusat kegiatan dan pertumbuhan badan-badan politik seperti

Pergerakan Melayu Seme-



Pertemuan ahli-ahli Kongres Pertubuhan Melayu yang melahirkan UMNO di Istana Besar, Johor Bahru pada 11.5.1946

nanjung (PSMJ) yang diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar di Batu Pahat dan Persatuan Melayu Johor yang dipelopori oleh Dato' A. Rahman bin Mohd Yassin.

Pada 11 Mei 1946, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah dirasmikan di Istana Besar Johor. Dari sejak 1946 hingga 1956, ibu pejabat UMNO adalah di rumah 131, Jalan Ibrahim, Johor Bahru sebelum berpindah ke Jalan Tuanku Abdul Rahman. Sepanjang masa itu, pemimpin Melayu dalam UMNO tinggal dan berpejabat di Johor Bahru, mereka juga merancang kemerdekaan tanahair di sini.



Pejabat UMNO pertama

Pada Ogos 1951, Parti Independent of Malaya (IMP) telah dibentuk dan diikuti dengan Parti Negara pada tahun 1954. Kedua-dua parti tersebut yang beroperasi serta berpusat di Johor Bahru, telah diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar selepas beliau meninggalkan UMNO pada tahun 1951.


Kemerdekaan tanahair akhirnya telah diisytiharkan dalam suasana yang gilang-gemilang pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka Kuala Lumpur yang turut disaksikan oleh lebih 25,000 orang rakyat jelata.



Dato' Onn Jaafar



Bangunan mahkamah Johor
Bahru, lambang kedaulatan
undang-undang




*Inai merah, bunga rasmi Majlis
Bandaraya Johor Bahru,
berlatarbelakangkan Dataran
Bandaraya yang berdiri indah
menghadap Selat Tebrau*



Kompleks Islam Johor didirikan berdekatan dengan masjid untuk memudahkan aktiviti keagamaan



*Kompleks Islam menjadi wadah
bagi meningkatkan kecemerlangan
syiar Islam*



*Lingkaran jalan raya yang baik dan
selesa mendorong pertumbuhan
sosioekonomi*



*Hospital Sultanah Aminah, taraf
kesihatan penduduk Johor Bahru
sentiasa diutamakan*

J O H O R B A H R U

Masa Kini

Johor Bahru masa kini adalah gabungan daripada unsur-unsur lama dan moden yang membentuk sebuah panorama bandaraya yang menarik dan unik. Kepesatan pembangunan sosioekonomi menjadikannya sebuah bandaraya yang paling pesat membangun di negara ini.

Sebagai ibu negeri, Johor Bahru merupakan pusat pemerintahan dan pentadbiran bagi negeri Johor Darul Ta'zim. Berdiri megah dipuncak Bukit Timbalan adalah Bangunan Sultan Ibrahim yang menjadi lambang negeri yang berdaulat dan merdeka. Di sinilah pemimpin-pemimpin negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor menjalankan pentadbiran. Jabatan-jabatan kerajaan negeri seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Perpendaharaan dan Pejabat Kemajuan Negeri ditempatkan di bangunan yang menjadi kebanggaan dan mercu tanda

bandaraya Johor Bahru yang paling popular.

Jabatan-jabatan peringkat Persekutuan seperti Jabatan Penerangan, Jabatan Perangkaan, Jabatan Imigresen dan lain-lain pula ditempatkan di bangunan dua blok Wisma Persekutuan Jalan Air Molek. Sementara pejabat-pejabat swasta, bank-bank, institusi-institusi kewangan dan lain-lain bertaburan di sekitar kawasan bandaraya.

Johor Bahru dengan jumlah penduduknya semakin bertambah dari setahun ke setahun, kini sedang mengalami proses perkembangan yang mencabar dan tersusun dengan matlamat untuk menjadikannya 'Sebuah Bandaraya yang unik, menarik dan efisyen'. Program-program pembangunan jangka panjang seperti 'Johor 2005' dan 'Hubungan Nusa Tiga', sebagai contohnya adalah antara rancangan-rancangan yang sedang giat dilaksanakan bagi mencapai hasrat tersebut.



Johor Bahru masa kini, gabungan teknologi lama dan moden

KEMUDAHAN AWAM

Sesuai dengan imejnya sebagai bandaraya moden, Johor Bahru menyediakan kemudahan-kemudahan awam yang baik dan canggih bagi memenuhi kehendak-kehendak penduduk bandaraya yang semakin maju dan matang. Johor Bahru mudah dihubungi dengan bandar-bandar lain di negara ini dan di seluruh dunia menerusi rangkaian pengangkutan darat, laut dan udara yang cepat, cekap, moden dan selesa.

Rangkaian lebuhraya-lebuhraya mempercepatkan hubungan Johor Bahru dengan bandar-bandar lain di Pantai Timur dan Barat Malaysia serta Singapura. Bahkan kemajuan infrastruktur ini telah membuka ruang yang luas kepada penduduk bandaraya untuk berinteraksi dalam berbagai urusan perniagaan, perdagangan, peribadi dan sebagainya. Sementara projek laluan kedua dengan Singapura yang menelan belanja melebihi RM1.4 billion akan memberi kemudahan kepada pelabur-pelabur dan pelancong-pelancong apabila siap

sepenuhnya pada tahun 1994.

Begitu juga dengan projek Terminal Bas Larkin yang akan digunakan menjelang tahun depan, akan memudahkan orang ramai dan pelancong-pelancong berkunjung ke bandaraya ini. Pada masa ini terdapat enam buah syarikat pengangkutan bas awam yang menyediakan perkhidmatan di sekitar bandaraya sementara 20 buah syarikat lagi mengendalikan perkhidmatan bas ekspres yang menghubungkan Johor Bahru dengan bandar-bandar lain di negara ini. Kereta sewa atau teksi juga tidak kurang pentingnya. Kebanyakannya menggunakan kereta-kereta yang selesa dan berhawa dingin serta dilengkapi dengan sistem 'Panggilan teksi' yang berkhidmat 24 jam.

Di tengah-tengah pusat bandar pula, Keretapi Tanah Melayu mengendalikan rangkaian perkhidmatan siang dan malam yang meluas di seluruh Malaysia dan Singapura. Stesen Keretapi Johor Bahru yang telah dinaikkan tarafnya, kini menjadi kegemaran pelancong-pelancong asing dan



Keretapi, terus menjadi pilihan



Ke arah sistem telekomunikasi yang canggih dan menyeluruh

penduduk tempatan khususnya mereka yang gemarkan perjalanan yang aman tanpa banyak gangguan seperti di jalan raya.

Lapangan Terbang Senai yang terletak kira-kira 29 km dari Johor Bahru semakin mempercepatkan hubungannya khususnya dalam urusan perniagaan dan perdagangan. Pelancaran perkhidmatan penerbangan antarabangsa yang pertama ke Hong Kong baru-baru ini, menandakan titik permulaan kepada hubungan antarabangsa yang lebih baik dan akrab. Langkah ini juga adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menonjolkan bandaraya Johor Bahru di arena antarabangsa seiring dengan bandaraya Kuala Lumpur dan bandaraya-bandaraya lain di rantau ini.

Taraf kehidupan penduduk yang semakin meningkat dari semasa ke semasa adalah berkat usaha dan kegigihan agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk melengkapkan bandaraya ini dengan kemudahan-kemudahan awam yang amat diperlukan. Bekalan air bersih boleh dinikmati dengan mudahnya oleh sektor-

sektor perumahan, perniagaan dan perindustrian.

Begitu halnya dengan keperluan-keperluan asas yang lain seperti bekalan elektrik, telekomunikasi, teknologi maklumat dan sebagainya yang semakin moden dan canggih. Menjelang tahun 1997, Johor Bahru dijangka mempunyai sistem telekomunikasi yang canggih dan menyeluruh, apabila projek telekomunikasi yang bernilai lebih RM700 juta siap keseluruhannya.

Penggunaan komputer yang meluas dalam teknologi maklumat membolehkan dan memudahkan maklumat-maklumat dikeluarkan dengan cepat dan tepat. Di samping itu, bandaraya ini juga akan mempunyai sebuah sistem maklumat perindustrian berkomputer yang membolehkan pengusaha dan pelabur mendapatkan maklumat lengkap mengenai sektor perindustrian di Johor Bahru dan daerah-daerah lain dalam negeri Johor.

Perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran yang dijalankan telah menghasilkan suasana bandaraya yang bersih dan indah.

Peningkatan tahap kebersihan dan kesihatan ini sewajarnya menjadi kebanggaan penduduk justeru kes-kes penyakit berjangkit telah berjaya dikurangkan serta dalam keadaan terkawal.

Di samping itu, perkhidmatan dan kemudahan perubatan turut mengalami perubahan yang amat menggalakkan. Selain daripada hospital dan klinik-klinik kerajaan, pusat-pusat kepakaran serta klinik-klinik swasta yang menawarkan perkhidmatan serta penggunaan kaedah dan peralatan yang moden dan canggih juga muncul satu demi satu di bandaraya ini.

Pada masa ini terdapat sebuah hospital kerajaan dan lima buah

hospital swasta seperti Hospital Pakar Johor dan Hospital Pakar Puteri, kedua-duanya milik Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ). Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan adalah setaraf dengan hospital-hospital lain di rantau ini.

Selain dari itu, terdapat lima buah klinik pakar, pusat-pusat perubatan kecil kerajaan serta lebih 90 buah klinik persendirian yang sedang beroperasi, antaranya terletak dalam kawasan perumahan seperti Bandar Baru UDA, Taman Cempaka dan Taman Sentosa.



Hospital Pakar Johor

PERUMAHAN

Tradisional dan moden, dua unsur yang menjadi corak perumahan Bandaraya Johor Bahru masa kini. Di sana sini, projek-projek perumahan dengan tarikan dan keistimewaan tersendiri berlumba-lumba menyiapkan projek masing-masing.

Pertumbuhan sektor perumahan begitu menonjol sekali sejak akhir-akhir ini. Pada tahun 1980 stok perumahan di Johor Bahru dianggarkan sebanyak 49,000 unit dan terus meningkat kepada 97,800 unit tahun 1992. Peningkatan ini adalah sejajar dengan jumlah penduduk bandaraya yang hampir mencapai angka setengah juta orang.

Corak dan rekabentuk rumah turut berubah mengikut citarasa dan kemampuan penduduknya. Panorama ini jelas kelihatan di kawasan perumahan mewah seperti Straits View, Stulang Laut, Nong Chik dan Taman Pelangi.


Rekabentuk tradisional yang unik diadun dengan semibina moden, amat jelas menjadi pilihan golongan ini, serta ditambah

dengan landskap dan taman-taman bunga mini yang sungguh menarik sekali. Selain daripada itu, usaha kerajaan untuk mengurangkan kesesakan dan tumpuan orang ramai di pusat bandar, menyebabkan wujudnya kawasan-kawasan perumahan baru yang dikenali sebagai "Bandar Satelit". Segala kelengkapan dan keperluan asas untuk penduduk disediakan seperti pusat perniagaan, sekolah, masjid, taman perumahan kanak-kanak, dewan dan lain-lain. Kawasan perumahan Bandar Baru UDA dan Taman Cempaka merupakan contoh yang paling nyata.

Rumah-rumah teres kos sederhana dan rendah juga diberikan keutamaan di samping rumah-rumah pangsa yang semakin bertambah bilangannya. Selain daripada penduduk tempatan, rumah-rumah jenis ini menjadi pilihan mereka yang berhijrah ke bandaraya ini untuk mencari pekerjaan dan sebagainya seperti Taman Cempaka, Taman Melor, Taman Kempas dan lain-lain.



Rekabentuk kediaman yang semakin popular di Johor Bahru



Pada hari ini, kediaman berbentuk kondominium menjadi satu 'trend' baru kepada penduduk bandaraya. Perubahan yang ketara ini, nyata melambangkan selera dan kecenderungan penduduk khususnya golongan berada dan profesional yang inginkan keselesaan, kecantikan dan kemudahan-kemudahan yang bersih, cantik dan canggih.

Bagaimanapun, citara ini tidak pula menjadi penghalang bagi kampung-kampung tradisional Melayu mengelakkan warisan tradisi yang tidak ternilai harganya. Taraf kehidupan di kampung-kampung tradisi ini sentiasa dittitikberatkan, perkhidmatan-perkhidmatan kebersihan dan keindahan dijalankan sepanjang masa memandangkan kampung-kampung ini menjadi tarikan untuk industri pelancongan yang semakin berkembang maju.

Antara kampung tradisi yang masih kekal dengan nilai-nilai serta ciri-ciri tradisinya adalah Kampung Senibong dan Kampung Pasir.

Menjelang tahun 2000, bandaraya Johor Bahru dijangka menjadi pusat kediaman dan kependudukan yang begitu pesat membangun dengan estet demi estet perumahan diterokai bagi menampung permintaan khususnya di kawasan Johor Jaya, Kempas dan sepanjang Jalan Skudai menuju ke utara.



Estet-estet perumahan terus berkembang

P E N D I D I K A N

Peluang untuk menuntut berbagai bidang ilmu pengetahuan terbuka luas kepada penduduk bandaraya ini. Berbagai kemudahan pembelajaran disediakan oleh kerajaan dan pihak swasta dari peringkat prasekolah hingga ke menara gading.

Tahun 1985 merupakan detik bersejarah bagi penduduk-penduduk Johor Bahru dan negeri Johor amnya, apabila Kampus Induk Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Sekudai memulakan sesi pertama pengajiannya setelah perpindahan kampus tersebut dari Kuala Lumpur ke bandar ini. Kampus tersebut yang terletak di kawasan seluas 1,148 hektar telah mengembangkan peranan bandaraya Johor Bahru sebagai pusat ilmu dan pendidikan di Selatan Semenanjung.

Pada masa ini, UTM mempunyai sembilan buah fakulti iaitu Fakulti Alam Bina, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Jentera Kimia, Kejuruteraan

Sumber Asli, Sains Komputer dan Sistem Maklumat serta Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, yang mewarkan 65 buah kursus di peringkat lanjutan (sarjana dan kedoktoran) dan persijilan.

Kepentingan ilmu pengetahuan amat dirasakan oleh penduduk-penduduk Johor Bahru. Pendidikan secara formal diterapkan di peringkat umur yang masih muda ibarat pepatah Melayu, "melentur buluh biarlah dari rebungnya". Tiga buah agensi kerajaan yang mengendalikan beratus-ratus kelas tadika adalah Jabatan Pendidikan Negeri, Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara serta berpuluh-puluh agensi swasta yang berlesen.

Johor Bahru cukup bertuah kerana di sini terdapat sekolah yang tertua dan pernah menjadi kebanggaan dan medan sejarah pendidikan di negara ini. Maktab Sultan Abu Bakar atau lebih dikenali dengan 'English College', merupakan sekolah yang tertua dan telah banyak



UTM melahirkan tenaga mahir dan separa mahir setiap tahun

mengeluarkan tokoh-tokoh pemimpin serta pembina negara hingga ke hari ini.

Di bidang perguruan pula, terdapat dua buah maktab perguruan yang mengeluarkan beratus-ratus orang pendidik yang terlatih setiap tahun. Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim yang terletak di Jalan Datin Halimah menawarkan 15 bidang perguruan seperti Pendidikan Jasmani dan Kemahiran Hidup, Bimbingan dan Kaunseling, Bahasa Inggeris serta Kursus Perguruan Lepasan Ijazah. Sementara Maktab Perguruan Mohd. Khalid di Jalan Abdul Samad pula mengendalikan kursus-kursus perguruan Sekolah Rendah dan opsyen Pengajian Melayu, Pengajian Cina, Prasekolah dan Kursus Dalam Cuti Guru-guru Prasekolah.

Bagi menampung pelajar-pelajar di peringkat menengah pula, yang sehingga kini berjumlah 44,608 orang, sebanyak 30 buah sekolah disediakan dengan tenaga pengajar seramai 2,155 orang. Turut disediakan ialah pendidikan akademik, teknik dan vokasional.

Di peringkat pendidikan rendah pula terdapat 94 buah sekolah yang terdiri daripada 53 buah sekolah kebangsaan, 9 buah sekolah rendah kebangsaan, 31 buah sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina dan Tamil) serta dua buah sekolah untuk golongan cacat. Jumlah pelajar seramai 84,160 orang terdiri dari berbilang kaum dan agama.

Bagi mereka yang ingin memperbaiki cara hidupnya, peluang-peluang pembelajaran lepas sekolah juga disediakan, terutamanya di bidang yang lebih profesional. Pusat-pusat kemahiran seperti Institut Kemahiran MARA dan Pusat Belia Ungku Mohsin, menyediakan kursus-kursus di bidang jentera, kimpalan, penyaman udara, jahitan, membaiki radio dan televisyen, perabot dan lain-lain lagi.

Johor Bahru juga terkenal dengan sekolah-sekolah pengajian Islam sama ada bantuan penuh kerajaan mahupun milik persendirian. Fenomena ini adalah unik bagi bandaraya ini dan negeri Johor Darul Ta'zim khususnya, kerana inilah satu-



Pendidikan membentuk generasi masa depan yang produktif

satunya negeri yang memberikan penekanan terhadap pendidikan agama secara formal dari peringkat rendah hingga tinggi. Selain daripada itu, Jabatan Agama Islam Johor yang bertanggungjawab membina dan mentadbir sekolah-sekolah agama yang terdapat di seluruh negeri Johor, telah berjaya mendirikan sebuah pusat pengajian yang serba lengkap berhampiran Masjid Abu Bakar iaitu Sekolah Maahad Johor.

Kemudahan-kemudahan untuk meluaskan ilmu pengetahuan juga disediakan bagi dimanfaatkan oleh penduduk Bandaraya. Perpustakaan Sultan Ismail milik Majlis Bandaraya Johor Bahru menyediakan koleksi buku, majalah, risalah dan lain-

lain dalam pelbagai bahasa di samping menganjurkan program-program untuk pelajar seperti kelas Komputer, Kelab Remaja, Aktiviti Masa Cuti Sekolah dan lain-lain. Perpustakaan Awam Negeri Johor dan Perpustakaan Sultanah Zanariah di Universiti Teknologi Malaysia juga menyediakan kemudahan-kemudahan yang sama. Kemudahan-kemudahan ini menggalakkan aktiviti penyelidikan di kalangan para akademik dan ilmuan di bandar ini.



Perpustakaan Sultan Ismail turut mengadakan aktiviti untuk ahli-ahlinya

AGAMA DAN BUDAYA

Dalam usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang prihatin terhadap pembangunan rohaniah dan jasmaniah, institusi-institusi agama telah memberikan sumbangan yang besar bagi membentuk masyarakat berwibawa, prihatin, berdisiplin dan bertanggungjawab. Sungguhpun Islam merupakan agama rasmi di negara ini, namun kebebasan beragama sentiasa diberikan kepada penduduk-penduduknya.

Bagi masyarakat Islam di Johor Bahru, Jabatan Agama Islam Johor yang beribu pejabat di Kompleks Islam bersebelahan Masjid Abu Bakar, memainkan peranan penting dalam meningkatkan syiar Islam di bandaraya ini. Selain daripada ibadah-ibadah khusus yang diwajibkan, Jabatan ini juga mengadakan majlis-majlis ilmu seperti kuliah agama di masjid-masjid dan surau-surau, siri ceramah Agama Perdana yang diadakan setiap bulan, menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan peristiwa-peristiwa dalam Islam

seperti Maulidur Rasul, kelas-kelas membaca Al-Quran dan lain-lain. Dakwah Islamiah juga disalurkan ke corong-corong radio, televisyen dan juga bahan-bahan bercetak yang diedarkan secara percuma.

Setiap kawasan perumahan dilengkapkan dengan surau-surau dan masjid-masjid. Kemudahan beribadah juga disediakan di pusat membeli-belah seperti Plaza Kotaraya yang dilengkapi dengan sebuah masjid, satu-satunya kemudahan beribadah seumpama ini yang terdapat di Malaysia pada hari ini.

Bagi memenuhi keperluan penduduk beragama Islam, diwujudkan kemudahan perbankan cara Islam yang kini boleh diperolehi dengan mudahnya, selain daripada Bank Islam dan Syarikat Takaful. Negeri Johor juga turut muncul sebagai negeri pertama memperkenalkan Amanah Saham Wakaf, iaitu suatu skim untuk menggalakkan umat Islam mengeluarkan wang secara ikhlas untuk kemajuan dan



Senibina Islam terserlah pada bangunan Kompleks Islam

pembangunan agama Islam.

Di samping itu, penganut-penganut agama lain juga bebas melaksanakan amalan mengikut tuntutan agama mereka masing-masing. Kemudahan-kemudahan beribadah untuk agama Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan lain-lain boleh dilihat di sekitar bandaraya ini. Kuil Hindu dan Sikh yang terbesar terletak di tengah-tengah pusat bandar dan sering dikunjungi oleh penganut-penganutnya ketika upacara-upacara agama diadakan khususnya semasa perayaan. Begitu juga dengan badan-badan agama Kristian dan Buddha, sering menganjurkan aktiviti keagamaan yang berkaitan dengan hari atau peristiwa berasal bagi agama mereka.

Keharmonian dan perpaduan rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya menjadikan negara ini sebagai tempat pertembungan

warisan kebudayaan bangsa Melayu, Cina, India yang sukar didapati di negara-negara lain di dunia ini.

Setiap kali umat Islam menghadapi bulan Ramadan, kaum-kaum lain turut merasai kegairahan terutama di saat-saat menjelang fajar Aidilfitri, serta ditambah pula dengan suasana pusat membeli-belah yang dihiasi dengan lampu-lampu dan kain rentang yang berbagai rupa dan warna. Kegembiraan Aidilfitri mahupun Hari Raya Korban, turut dirayakan oleh kaum-kaum lain, kunjung mengunjungi antara satu sama lain sambil menikmati juadah-juadah yang berbagai rupa dan rasa.

Tahun Baru Cina atau 'Gong Xi Fa Cai' selalunya disambut dengan penuh kemeriah. Pemberian buah limau dan 'ang paw' sentiasa ditunggu oleh kanak-kanak. Perayaan ini sering diikuti dengan tarian singa diiringi oleh rentak simbal dan gong sambil mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada tuan rumah atau kedai yang dikunjungi. Begitu juga setiap kali munculnya Deepavali dan Krismas.



Aidilfitri turut dirayakan oleh semua bangsa di negara ini



Tarian Naga

Sesungguhnya penduduk-penduduk di bandaraya ini amat berbangga dengan pelbagai bentuk kebudayaan dan kesenian yang boleh dinikmati dan dipelajari dengan mudah. Dari lenggang-lenggok tarian asli yang lemah gemalai atau tarian India yang kaya dengan gerak tari hingga kepada gerakan akrobatik yang unik dalam tarian Cina, semuanya menjadi warisan yang sentiasa dipelihara serta diutamakan dari generasi demi generasi. Kebudayaan dan kesenian menjadi aset penting dalam industri pelancongan yang sedang berkembang pesat di negara ini.

Bandaraya Johor Bahru memang sudah terkenal dengan kegiatan-kegiatan budaya khususnya di tahun-tahun lima puluhan.

Pementasan-pementasan bangsawan atau sandiwara di waktu itu bertumpu di Kampung Baru, Kampung Mohamad Amin, Kampung Wadi Hana, Kampung Tarum dan beberapa kampung lagi. Pada tahun 60an, Shaharom Husain yang menjadi pensyarah Pusat Latihan Harian telah mempelopori kegiatan drama dan kesenian di kalangan pelatihan-pelatihan maktab tersebut. Beberapa buah drama beliau seperti Si Bongkok Tanjung Puteri dan Harimau Johor menjadi tontonan pada masa itu.

Kegiatan bahasa dan sastera sekitar tahun 1960an dipelopori oleh beberapa persatuan yang bergiat cergas seperti Kumpulan Tunas Muda Johor Bahru atau singkatannya KUNTUM dan Persatuan Penulis Johor. Antara



Kuda Kepang, tarian tradisional Johor

tokoh yang terkenal waktu itu adalah Wan Musa Ahmad, Mohd. Noh Atan, Masni Yunos dan Hamidon Bahari. Persatuan Penulis Johor masih bergiat cergas hingga ke hari ini, meneruskan wadah perjuangan dengan barisan pelapis muda seperti Siti Muahwa Rahmat, Shahbudin

Juraimi, Syed Agil Alsagoff dan Gunawan Mahmood.

Pada hari ini, usaha-usaha sedang giat dijalankan bagi menyambung wadah kegiatan budaya dan sastera di bandaraya ini. Sebuah badan yang dikenali sebagai Taman Seni Budaya Johor telah ditubuhkan pada tahun 1979 yang bertanggungjawab melaksanakan

aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian yang merangkumi drama, tarian, muzik asli, gamelan, silat, kompong dan lain-lain lagi, berpusat di sebuah bangunan kerajaan, Jalan Skudai. Menjelang tahun 1995, Taman Seni Budaya akan memiliki sebuah bangunan tiga tingkat yang akan dilengkapi dengan studio, 'theatre' dan lain-lain prasarana pementasan. Di samping itu, peranan Persatuan Sejarah Johor juga tidak kurang pentingnya dalam menimbulkan minat terhadap sejarah, kebudayaan dan adat resam penduduk di bandar ini. Sesungguhnya bandaraya Johor Bahru akan menyaksikan perkembangan kebudayaan dan kesenian yang lebih menggalakkan di masa depan seiring dengan pembangunan yang sedang dilaluinya.



Kompang, permainan tradisi yang terus diwarisi



Boria, dipersentah dengan gaya yang lebih menarik

PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Arked-arked dan pusat-pusat membeli-belah yang terdapat di sekitar Johor Bahru, tidak sunyi daripada pengunjung-pengunjung sama ada penduduk tempatan mahupun warganegara Singapura yang menjadikan bandaraya ini sebagai 'Pusat Membeli-belah Yang Diminati'. Setiap kali musim 'tawaran' atau 'jualan istimewa' suasana di sini bertukar seperti sebuah pesta. Kadar tukaran Dolar Singapura yang tinggi berbanding dengan Ringgit Malaysia menjadi faktor utama, menyebabkan hampir 80 peratus rakyat Singapura berulang alik setiap hari ke Johor Bahru, untuk mendapatkan barang-barang keperluan harian, pakaian, makanan dan lain-lain lagi.

Selain dari barang-barang buatan tempatan, berbagai jenis barang luar negeri turut dijual dalam berbagai bentuk dan gaya yang tersendiri dari perkhidmatan pelanggan yang lebih canggih hingga kepada keadaan pasar tani atau pasar malam yang sentiasa rancak dan riuh rendah


dengan gelagat pembeli dan penjual.

Pada masa ini terdapat tujuh buah kompleks membeli-belah yang moden serta memenuhi citarasa pengunjung-pengunjungnya seperti Plaza Kotaraya, Plaza Pelangi, Holiday Plaza, Kompleks Tun Abdul Razak dan Kompleks Lien Hoe. Selaras dengan hasrat untuk menjadikan Johor Bahru sebagai 'Syurga Membeli-belah', sebanyak 37 buah kompleks membeli-belah sedang dalam perancangan dan pembinaan seperti Projek Best World di Jalan Tun Razak.

Johor Bahru juga terkenal dengan hidangan-hidangan makanan yang enak dan membuka selera. Hampir di setiap sudut bandaraya, gerai-gerai dan pusat-pusat makanan boleh ditemui dengan mudahnya. Tidak hairanlah jika penduduk negara jiran, Singapura, sanggup menyeberangi Tambak Johor biar pun di waktu malam semata-mata untuk menikmati makanan laut yang istimewa.



Plaza Kotaraya dengan hiasan 'Seri Aidilfitri'



Usaha-usaha sedang giat dilaksanakan untuk meningkatkan imej penjaja

Bagi yang gemarkan suasana tenang dan damai, sambil menikmati masakan asli Melayu, Cina, India, Barat ataupun makanan dari negara-negara lain seperti negara Thai dan sebagainya, yang dituding dalam bentuk yang menarik dan selesa, hotel-hotel atau restoran-restoran eksklusif di bandaraya ini tidak kurang hebatnya.

Perniagaan makanan merupakan bidang yang sedang mengalami proses penyusunan semula sejak dengan arah serta corak pembangunan bandaraya ini. Usaha-usaha sedang giat dilaksanakan bagi menukar imej penjaja-penjaja, daripada kawasan pinggir jalan atau di sudut-sudut bangunan yang sempit serta kurang kemudahan kepada kawasan yang terancang, teratur, moden dan selesa. Program ini juga bertujuan untuk meningkatkan mutu penyediaan makanan serta taraf kebersihan dan kesihatan sebuah bandaraya yang sedang menuju ke taraf antarabangsa.

Kestabilan politik, galakan-galakan kerajaan serta kemudahan-kemudahan infra-

struktur yang baik dan moden, adalah antara faktor-faktor yang menarik minat pelabur-pelabur untuk menanam modal di bandaraya ini. Sektor perindustrian telah mengalami kadar pertumbuhan yang amat menggalakkan serta menyumbangkan 35.8 peratus peluang pekerjaan pada tahun 1992 berbanding dengan hanya 23 peratus sahaja pada tahun 1980.

Di samping itu, penggunaan tanah untuk sektor tersebut juga turut meningkat daripada 320 hektar pada tahun 1980 kepada 570 hektar pada tahun 1992, begitu juga dengan jumlah kawasan yang diperuntukkan untuk tujuan tersebut telah turut bertambah.

Sektor perkilangan di bandaraya ini tertumpu di kawasan-kawasan perindustrian yang terancang serta dilengkapi dengan berbagai kemudahan asas seperti Kawasan Perindustrian Larkin, Tebrau, Kangkar Tebrau dan Tampoi Jaya yang kebanyakannya bersifat intensif buruh. Sementara pelabur-pelabur asing yang paling ramai



Kawasan perindustrian Tebrau

adalah dari negara Singapura, Jepun dan Taiwan.

Pada masa ini terdapat 662 buah kilang sedang giat beroperasi sementara jenis-jenis industri yang banyak terdapat adalah industri barang elektrik dan elektronik, tekstil dan barang tekstil serta pengilangan makanan. Agensi kerajaan yang memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan sektor ini adalah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ).

Pada bulan Jun 1992, Kerajaan Johor telah menganjurkan 'Seminar 2005' yang bertajuk 'Running With The Dragons, Johor, Malaysia and ASEAN In The World of Dynamic Change' bagi memberi gambaran yang jelas kepada para pelabur dan ahli-ahli perniagaan tentang strategi pembangunan ekonomi negeri Johor dalam dekad yang akan datang. Wawasan JOHOR 2005 adalah untuk menjadikan negeri Johor Darul Ta'zim sebagai sebuah pusat pelaburan dan teknologi (Teknopolis Malaysia) menjelang tahun 2005. Seramai

300 orang eksekutif perniagaan dari dalam dan luar negara telah mengikuti seminar tersebut.

Selain daripada kemudahan-kemudahan infrastruktur, institusi-institusi kewangan juga memainkan peranan penting kepada pembangunan dan perkembangan sektor perdagangan dan perusahaan. Sungguhpun kebanyakannya bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang terdapat di sini, beribu pejabat di Kuala Lumpur, namun berbagai bentuk perkhidmatan dan bantuan kewangan turut disediakan. Ini termasuklah sektor pembinaan, harta tetap, perkilangan, perusahaan, perkhidmatan, pertanian, kraftangan, pelancongan hingga kepada perniagaan kecil-kecilan. Pada masa ini terdapat lebih 50 buah bank dan institusi kewangan yang beroperasi di bandar ini dan ianya dijangka akan bertambah sejajar dengan pembangunan yang sedang dirancang dan dilaksanakan.

SUKAN DAN REKREASI

Kejayaan Johor Bahru sebagai tuan rumah Sukan Malaysia Keempat (SUKMA IV) pada tahun 1992, telah membuka era peralihan yang memberangsangkan kepada kegiatan-kegiatan sukan di bandaraya ini. Kejohanan tersebut yang telah berlangsung dalam suasana penuh warna-warni dan gilang-gemilang, jelas membuktikan keupayaan Johor Bahru mengendalikan kejohanan-kejohanan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bandaraya Johor Bahru mempunyai kemudahan-kemudahan sukan yang baik serta moden. Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunos yang menjadi kebanggaan warga Johor Bahru mempunyai kemudahan-kemudahan serta peralatan-peralatan moden dan canggih. Stadium yang boleh memuatkan 50,000 orang penonton ini, pernah menyaksikan aksi wira-wira bola sepak negara seperti Allahyarham Mokhtar Dahari, Namat Abdullah, Soh Chin Aun serta gelagat pemain-pemain bola

sepak Semi Pro Malaysia seperti Azman Adnan, Ervin Boban, Fandi Ahmad dan ramai lagi.

Sebagai memperingati jasa-jasa anak watan Johor yang pernah mengharumkan nama negeri dan Malaysia, sebuah Dewan Kemasyhuran Sukan telah dibina di stadium ini bagi tontonan orang ramai. Gambar-gambar sepanjang pembabitan serta riwayat hidup mereka dipamerkan di sini. Antara tokoh-tokoh sukan yang diberi penghormatan adalah Daud Ibrahim (lumba basikal), Sylvia Ng (badminton), Abdullah Madon, Ungku Ismail Abdullah (bola sepak) dan Nordin Mohd Jadi (olahraga).

Keunggulan Malaysia di arena badminton menjadikan sukan tersebut antara yang paling diminati di negara ini. Di Jalan Tebrau, lebih kurang 1 kilometer dari pusat bandar Johor Bahru, tersergam megah Stadium Tertutup yang sering menjadi gelanggang utama untuk sukan badminton, sepak takraw, bola tampar, taekwondo, silat dan lain-



Johor Bahru, tuan rumah sukan Malaysia keempat


lain. Jaguh-jaguh badminton negara seperti Rashid Sidek, Jalani Sidek, Razif Sidek, Foo Kok Keong pernah mempamerkan ketangkasannya di sini. Stadium yang dilengkapi dengan berbagai kemudahan ini boleh memuatkan 5,000 orang penonton pada suatu masa.

Bersebelahan stadium ini adalah Stadium Hoki Asturtorf yang disediakan khusus untuk permainan sukan hoki bermutu tinggi. Malaysia juga merupakan negara yang disegani dan berada dalam kedudukan sepuluh pasukan terbaik di dunia pada hari ini.

Bagi penggemar sukan tenis pula, Johor Bahru menyediakan gelanggang tenis yang menarik terletak di pesisir Pantai Lido yang terkenal dengan keindahannya. Kompleks Tenis milik Majlis Bandaraya Johor Bahru ini pernah mengendalikan kejohanan-kejohanan tenis peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti 'Malaysia International Tennis Satellite Circuit' yang mengundang pemain-pemain terkenal dari seluruh dunia.

Kompleks Kolam Renang di Larkin, satu-satunya kolam renang yang dibuka untuk orang ramai yang dilengkapi dengan sebuah kolam kejohanan bersaiz olimpik, sebuah kolam terjun dan polo air serta kemudahan-kemudahan lain. Kompleks ini sedang dirancang untuk ditambah kemudahan-kemudahannya yang lain seperti kolam renang untuk kanak-kanak serta gimnasium bersesuaian dengan jumlah peminatnya yang semakin meningkat.

Di samping itu, tiga buah lagi gelanggang sukan akan muncul di Johor Bahru tidak lama lagi apabila pembinaannya dimulakan



Polo air, sukan yang semakin digemari



Perlumbaan bertaraf antarabangsa di 'Johor Circuit'

pada tahun 1994. Gelanggang gelanggang tersebut adalah untuk sukan 'lawn bowl', silat dan gasing.

Menyingkap aktiviti-aktiviti sukan di Johor Bahru pada awal-awal kurun ke-19, jalan-jalan di bandaraya ini seperti Jalan Ibrahim dan Jalan Air Molek, suatu ketika dulu pernah menjadi arena perlumbaan lumba kereta dan motosikal, khususnya di tahun-tahun 20an dan 50an. Sesuai dengan peredaran zaman yang semakin moden dan maju, sebuah litar lumba kereta dan motosikal yang bertaraf antarabangsa telah didirikan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor di Pasir Gudang, lebih kurang 60 km dari pusat bandar Johor Bahru.

Litar lumba kereta yang lebih dikenali sebagai 'Johor Circuit' mula menganjurkan perlumbaan perlumbaan peringkat antarabangsa sejak tahun 1986 dan kini menjadi antara litar lumba kereta yang diminati oleh pelumba-pelumba kereta dan motosikal antarabangsa seperti Randy Mamola, Wayne Rainey dan Kevin Swan.

Golf, sejenis sukan untuk golongan mewah yang kini sedang popular di bandaraya ini. Keindahan alam semula jadi dan kemudahan-kemudahan yang disediakan menjadikannya daya tarikan dan persaingan antara kelab-kelab golf yang terdapat di sini. Kebanyakannya menyediakan kemudahan padang golf 18 lubang yang bertaraf antarabangsa di samping kemudahan-kemudahan lain seperti gimnasium, kolam renang, chalet, gelanggang skuasy, tenis dan restoran. Terdapat juga yang menyediakan kemudahan untuk bermain golf di waktu malam terutama bagi mereka yang sibuk di waktu siang hari selain berfungsi sebagai hiasan serta daya tarikan pusat tersebut.

Antara kelab golf yang terdapat di bandaraya ini adalah Kelab Golf Diraja Johor, Starhill Golf Resort dan Kelab Golf Ponderosa, sementara Kelab Golf Palm Resort, Pulai Springs Resort dan Poresia Golf Resort terletak di kawasan pinggir bandaraya ini.

Perairan Selat Tebrau antara sumber alam semula jadi yang mengindahkannya kawasan rekreasi

di sepanjang Pantai Lido. Hampir setiap pagi, petang dan hujung minggu, kawasan ini menjadi tumpuan penduduk bandaraya untuk beristirahat bersama keluarga atau ber'jogging' bersama rakan-rakan. Di sini, disediakan kemudahan untuk ber'jogging', permainan untuk kanak-kanak dan wakaf untuk beristirahat.

Bagi yang menggemari bidang sukan air seperti kayak, kawasan pesisir pantai ini merupakan lokasi yang strategik kerana arus lautnya tenang. Pemilihan Selat Tebrau sebagai gelanggang untuk acara-acara sukan air semasa Sukan Malaysia Keempat jelas membuktikan bahawa sukan air boleh dipertingkatkan lagi kerana mempunyai kemudahan-kemudahan semula jadi yang boleh dimanfaatkan.

Sejarah dengan hasrat untuk menjadikan Johor Bahru sebagai bandar dalam taman, kawasan persekitaran seperti pinggir jalan, persimpangan dan bulatan jalan dihiasi dengan landskap yang menarik dan berwarna-warni. Begitu juga dengan bangunan-bangunan kerajaan, swasta atau perniagaan dicantikkan dengan pokok-pokok serta lampu-lampu hiasan.

Di samping itu, dua buah projek rekreasi sedang giat dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia iaitu Hutan Bandar atau Urban Forest dan Taman Linear.

Hutan Bandar merupakan kawasan rekreasi komprehensif dengan ciri-ciri alam semula jadi serta dilengkapi dengan tasik, taman orkid, taman burung, kawasan perkhemahan,




Kayak, sukan yang semakin diminati

'Amphitheatre area', taman permainan kanak-kanak dan pusat makanan. Sementara Taman Linear lebih menekankan kepada konsep istirahat khususnya kepada pelancong-pelancong tempatan dan luar negara yang menggunakan Jalan Tun Abdul Razak. Kemudahan-kemudahan seperti tempat istirahat atau wakaf yang beraneka bentuk dan fungsi, pusat penerangan serta gerai jualan, pameran dan demonstrasi membuat tembikar turut disediakan.

Khusus untuk kanak-kanak, hampir setiap kawasan perumahan di bandar ini dilengkapi dengan taman permainan kanak-kanak dan sesekali berkunjunglah ke Taman Riadah Bukit Cagar, yang menyediakan berbagai permainan

yang sesuai dengan dunia kanak-kanak yang sentiasa riang dan ceria. Replika binatang-binatang dalam cerita dongeng kanak-kanak seperti harimau, monyet dan gajah menjadi tarikan utama selain daripada kemudahan-kemudahan permainan yang lain.



Taman Kanak-kanak membina kecerdasan

PELANCONGAN DAN PUSAT PENGHUBUNG

'Johor Bahru Mengalau-alukan Kunjungan Anda'. Begitulah bunyi ucapan mesra yang menyambut setiap kedatangan tetamu-tetamu bandaraya ini. Ucapan yang terpapar indah dan berwarna-warni di papan elektronik berukuran 30 kaki x 30 kaki di Tambak Johor, jelas melambangkan kesungguhan Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim untuk menonjolkan imej Johor Bahru sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Gabungan bangunan-bangunan lama dan baru menjadi bahan tarikan kepada pelancong-pelancong asing. Masjid Sultan Abu Bakar yang terletak di puncak bukit menghadap ke Selat Tebrau tidak lekang daripada pelawat-pelawat yang ingin mengetahui dan mengenali bangunan bersejarah ini dengan lebih dekat lagi. Masjid yang terkenal dengan gabungan rekabentuk senibina Melayu dan Islam ini, mula dibina pada tahun hijrah 1311 bersamaan tahun masih 1893 dan digunakan pada


1 Syawal 1317 bersamaan 2 Februari 1899. Jurutera yang bertanggungjawab ke atas pembinaannya adalah Yang Berhormat Dato' Yahaya bin Awaluddin sementara Haji Batuwif Haji Mohamed Ariff menjadi perekabentuknya.

Batu marmar masjid ini dibeli dari Itali, mimbarnya dibawa dari Turki, sementara tempat baranya diperbuat di negara China. Satu keistimewaan Masjid Sultan Abu Bakar ini adalah suhu di dalamnya yang sentiasa sejuk dan nyaman walaupun di musim cuaca panas.

Istana Besar Johor, bangunan menarik yang berdinding putih, berbunga-bunga, menghadap ke Selat Tebrau, menjadi lambang kegemilangan Kesultanan Johor hingga ke hari ini. Pada hari ini istana yang tersergam indah ini menjadi Muzium Diraja Abu Bakar serta tempat berlangsungnya upacara-upacara rasmi. Pelbagai bentuk khazanah yang tidak ternilai harganya dari zaman pemerintahan Sultan Abu



Masjid Abu Bakar tidak lekang daripada pelancong



Menara Mahkota

Bakar hingga ke hari ini boleh dilihat oleh penduduk tempatan dan para pelancong. Di persekitaran muzium ini, terbentang luas Kebun Bunga Istana atau 'Istana Garden' yang saujana mata memandang, dipenuhi dengan pokok-pokok bunga yang berbagai rupa dan warna, amat sesuai bagi merakamkan suasana alam semula jadi yang indah dan tersendiri.

Sebuah lagi mercu tanda yang sering menjadi tumpuan pelancong adalah Bangunan Sultan Ibrahim yang tersergam megah di atas Bukit Timbalan. Bangunan yang menjadi pusat pemerintahan negeri Johor semenjak zaman Sultan Ibrahim hingga ke hari ini, adalah adunan rekabentuk Melayu, Islam dan Inggeris. Sewaktu Perang Dunia Kedua, bangunan ini pernah terkena peluru meriam dan kesan-kesannya masih boleh dilihat sampai sekarang.

Lain-lain bangunan yang turut menjadi tumpuan pelancong adalah rumah bekas Allahyarham Dato' Jaafar Mohamad, Menteri Besar Johor yang pertama, yang

kini menjadi pejabat Yayasan Warisan Johor, Makam Diraja Johor di Jalan Mahmudiah, Kompleks Islam, Kompleks MAWAR dan rumah-rumah Melayu tradisional di Kampung Mohd Amin.

Kerajaan Johor dengan kerjasama pihak swasta menyediakan pelbagai kemudahan bagi memenuhi keperluan industri pelancongan yang sangat berpotensi. Berbagai acara baru diadakan bagi menarik pelancong-pelancong asing dan juga tempatan. Acara Karnival Johor yang mula diperkenalkan pada tahun 1992 telah berjaya menarik lebih 500,000 orang pengunjung walaupun pada masa yang sama beberapa negeri lain turut mengadakan pesta masing-masing. Karnival ini juga berjaya menggabungkan berbagai bentuk



Krafangan Malaysia mempunyai identitiinya tersendiri



Hotel-hotel menyediakan penginapan selesa untuk pelancong

kebudayaan dan kesenian yang menarik dari daerah-daerah dalam negeri Johor, di samping acara-acara peringkat nasional dan antarabangsa.

Industri perhotelan juga turut mengalami peningkatan. Pada masa ini terdapat 52 buah hotel bertaraf mewah, sederhana dan rendah dengan jumlah bilik sebanyak 3,110 buah. Beberapa buah projek pembinaan hotel berbagai kategori sedang giat dirancang dan dilaksana bagi menampung permintaan yang semakin bertambah. Pengusaha-pengusaha hotel juga digalak menyediakan segala keperluan bagi keselesaan para pelancong seperti maklumat-maklumat mengenai tempat-tempat menarik di Johor Bahru dan lain-lain

tempat di negara ini.

Satu lagi daya tarikan para pelancong untuk tinggal lama di Johor Bahru adalah kemudahan untuk bermain golf yang semakin moden dan sofistikated. Kebanyakan padang-padang golf yang terdapat di bandaraya ini menyediakan kemudahan-kemudahan yang lengkap untuk penggemar-penggemar sukan ini. Antaranya adalah Starhill Golf and Country Club, Ponderosa Country Club dan Royal Johor Country Club.

Selain dari itu, Johor Bahru juga memainkan peranan sebagai pusat penghubung ke destinasi-destinasi pelancongan lain di negara ini sesuai dengan peranannya sebagai 'The Southern Gateway'. Hampir



Golf menjadi daya tarikan pelancong untuk tinggal lebih lama di sini

setiap hari Kompleks Kastam Tanjung Puteri menerima pelancong-pelancong asing yang ingin mengunjungi tempat-tempat pelancongan di negara ini mahupun rakyat Singapura yang datang untuk membeli-belah atau sebagainya. Kajian Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia mendapati Tambak Johor menerima kemasukan para pelancong yang paling ramai berbanding dengan pintu-pintu

masuk yang lain. Seramai 218,530 orang pelancong melalui Tambak Johor pada bulan Februari 1992 diikuti dengan Lapangan Terbang Subang (96,464 orang), dan Bayan Lepas Pulau Pinang seramai 25,289 orang.

Bagi para pelancong yang ingin menikmati udara segar dan nyaman di pulau-pulau sekitar Mersing, perkhidmatan bas dan teksi sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan yang mesta. Sementara bas-bas ekspres yang beraneka rupa dan warna menyediakan perkhidmatan untuk ke negeri-negeri lain di barat, utara dan timur negara ini.

Di samping itu, negeri Johor bersama-sama dengan negeri Terengganu dan Pahang telah menandatangani Memorandum Persefahaman Kerjasama Pelancongan Wilayah Pantai bagi memajukan industri pelancongan di ketiga-tiga negeri tersebut mempunyai banyak persamaan dari segi geografi dan berpotensi menjadi destinasi pelancongan yang berjaya berasaskan alam semula jadinya.



Pantai Stulang



Taman Linear, di Jalan Tun Razak



*Keindahan Selat Tebrau
menjadi sumber ilham*



Plaza Kotaraya, antara pusat membeli-belah yang menjadi tumpuan wargakota Johor Bahru dan Singapura



*Kemudahan hotel untuk menampung
keperluan industri pelancongan
yang berpotensi*



Pusat penjaja sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa sejajar dengan pembangunan pesat yang dilaluinya.



*Kawasan perumahan tumbuh pesat
bagaikan 'cendawan tumbuh selepas
hujan' di Johor Bahru sejajar dengan
pertambahan penduduknya yang kini
hampir mencapai setengah juta orang*

MAJLIS BANDARAYA johor Bahru

D sinilah, segala pembangunan Johor Bahru dirancang dan diawasi. Majlis Bandaraya Johor Bahru, Pihakberkuasa Tempatan yang bertanggungjawab mentadbir, membangun serta mencorak rupabentuk bandaraya ini kepada wajahnya yang ada sekarang. Berbagai bentuk perkhidmatan disediakan untuk penduduk-penduduknya yang meliputi perkhidmatan pemungutan dan pelupusan sampah, pembinaan kemudahan-kemudahan awam, sukan, rekreasi, pengindahan dan lain-lain.



Pejabat Majlis Bandaran,
dahulunya Hotel Johor

Menyingkap sejarah penubuhannya, sebelum tahun 1909 telah wujud perkhidmatan-perkhidmatan berbentuk kerajaan tempatan (Municipal Work) seperti pengutipan cukai

pintu, lesen, pembersihan bandar dan lain-lain, namun tidak ada rekod yang menyatakan bentuk undang-undang yang digunakan atau suatu lembaga yang mengendalikannya.

Hanya pada 30 November 1911, Undang-undang Kerajaan Tempatan Negeri Johor diadakan buat pertama kalinya iaitu 'Johore's Town Board Enactment of 1911' yang berdasarkan kepada Ordinan Negeri-negeri Selat 1896 (Straits Settlements Ordinance 1896). Di bawah enakmen ini, Sultan diberi kuasa membuat undang-undang kecil (By-laws) bagi tujuan pelesenan, pendaftaran, kawalan kendaraan dan pendaftaran anjing.

Lembaga Bandaran Johor Bahru (Town Board) juga berkuasa mengenakan kadar tahunan ke atas semua rumah dan tanah dalam kawasan pentadbirannya untuk tujuan bekalan air, lampu awam dan bantuan kebakaran. Kadar tahunan yang dikenakan ke atas semua harta adalah 10 peratus daripada nilai tahunan. Pada 1912, hasil daripada pendapatan tersebut adalah sebanyak RM14,018.00.

Antara tokoh bangsa Eropah yang pernah mengetuai pentadbiran Lembaga Bandaran adalah W.B.Y. Drapper dan J. Griffiths, sementara penduduk-penduduk tempatan yang pernah berkhidmat di lembaga ini adalah seperti Datuk Mustafa Jaafar, Syed Sahil Ahmad dan Engku Abdul Aziz Abdul Majid.

Struktur pentadbiran Lembaga Bandaran pada tahun 1914 adalah terdiri daripada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Pengetua Pegawai Perubatan, Ketua Pesuruhjaya Polis, Pegawai Kesihatan, Merinju Kesihatan dan beberapa jawatan lain. Jabatan ini bukan sahaja bertanggungjawab terhadap perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan tempatan bahkan diberi kuasa untuk mengena dan mengutip lesen kenderaan mengikut Undang-undang 'A Jinrikisha Enactment' yang telah digazetkan pada 19 September 1914 serta 'The Traction Engines & Motor Vehicles Enactment', di samping mengendalikan urusan bekalan air untuk orang ramai.

Pembangunan bandar Johor Bahru di waktu itu lebih menekankan kepada kerja-kerja menambak dan membina tembok kerana sering dilanda air pasang dan banjir. Di samping itu, lorong-lorong dan



Pantai Lido

jalan-jalan raya juga dibina sejajar dengan perkembangan yang berlaku. Jumlah pendapatan Lembaga Bandaran turut meningkat daripada RM27,314.08 pada tahun 1910, kepada RM47,370.75 (1914) dan RM107,929.19 pada tahun 1918, yang dipungut daripada kutipan cukai pintu, lesen perniagaan, pasar, permit bangunan, gerai, kenderaan, cukai air dan lesen anjing.



Johor Bahru semakin maju dengan pembukaan Tambak Johor pada 28 Jun 1924 seterusnya telah memperluaskan dan mempercepatkan hubungan dagang yang dulunya menggunakan pengangkutan air. Pada tahun 1933, pejabat Lembaga Bandaran berpindah ke bangunan Hotel Johor atau lebih dikenali sebagai bangunan 'Rest House', sementara pejabat asalnya yang terletak di tepi Sungai Segget dijadikan Jabatan Syahbandar.

Pada 24 Oktober 1950, Ordinan Kerajaan Tempatan (Local Authorities Ordinance) telah diluluskan. Raja yang memerintah diberi kuasa mengeluarkan arahan 'that the whole or a majority of the members of a Town Board be elected', seperti yang terkandung dalam seksyen 51 (i), menyebabkan sistem Lembaga Bandaran telah ditukar kepada Majlis Bandaran (Town Council). Berikutan dari itu, hal-hwal pentadbiran Lembaga Bandaran ditadbirkan oleh sebuah badan (corporate body) yang terdiri daripada beberapa orang yang mewakili masyarakat.

Komposisi Majlis Bandaran Johor Bahru dari tahun 1951 hingga tahun 1967 adalah terdiri daripada 16 orang tidak termasuk Presiden iaitu sembilan anggota yang dipilih, tiga kaunselor yang dilantik serta empat orang ahli Ex-Officio. Luas kawasan pentadbiran Majlis adalah 65 km persegi termasuk 19.6 km persegi kawasan separa Majlis (hanya dikenakan kawalan pelan bangunan sahaja

tidak termasuk perkhidmatan bandaran). Pada tahun 1963, pejabat Majlis telah berpindah ke bangunan barunya (yang ada sekarang) berharga RM1.1 juta.

Majlis Bandaran Johor Bahru merupakan penguasa tempatan yang berautonomi kewangan, ditadbirkan mengikut Undang-undang Town Boards Of Johore Enactment No. 118. Perjalanan pentadbiran bercorak Majlis telah ditamatkan pada 17 April 1966 apabila kuasa-kuasa kaunselor telah diambil alih oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Beliau dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada Yang Dipertua Majlis (Presiden), Setiausaha Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Pemungut Hasil Tanah Daerah Johor Bahru, Pengarah Perancang Bandar dan Desa Johor Bahru, Jurutera Kanan Jabatan Kerja Raya Daerah Johor Bahru, Pegawai Kesihatan Daerah Johor Bahru serta Ketua Polis Daerah Johor Bahru, dalam membuat sebarang keputusan.

Bandar Johor Bahru terus mengalami pertumbuhan dan perkembangan yang menyeluruh dalam berbagai bidang khususnya di sektor ekonomi. Peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan perdagangan turut bertambah dengan peningkatan penduduk daripada 130,000 orang pada tahun 1970 hingga melebihi 170,000 orang (1976).



Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah memperuntukkan penubuhan dua bentuk penguasa tempatan iaitu:

- a. Majlis Perbandaran yang mengandungi penguasa-penguasa tempatan yang digabungkan atau dicantumkan atau diperluaskan untuk dijadikan satu bandar yang besar dan lebih maju serta 'viable'.
- b. Majlis Daerah yang mengandungi kawasan-kawasan penguasa tempatan yang ada sekarang, digabungkan atau dicantumkan ataupun diperluaskan untuk meliputi sebahagian besar daripada daerah itu ataupun keseluruhan daerah itu.

Pada 1 April 1977, Johor Bahru telah dinaikkan ke taraf Perbandaran hasil penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan dalam Negeri Johor sebagaimana peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 tersebut. Di samping kenaikan taraf ini, kerajaan juga telah memperluaskan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru daripada 65 km persegi kepada 119.5 km persegi, pertambahan sebanyak 54.5 km persegi yang merangkumi dua buah majlis tempatan iaitu Majlis Tempatan Pandan dan Majlis Tempatan Kangkar Tebrau.



Perkilangan, ke arah negeri termaju menjelang 2005

Dari semasa ke semasa perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis bertambah kompleks dan mencabar untuk memenuhi permintaan penduduk seperti perumahan yang bermutu, kemudahan lipurdiri, pengangkutan yang cekap, cepat dan mudah, peluang-peluang kerja yang lebih menguntungkan dan yang paling penting adalah menaikkan imej Johor Bahru sebagai petempatan atau 'hometown' yang indah, bersih, nyaman dan makmur.

Pada 5 Oktober 1984, bandar Johor Bahru telah diisyiharkan sebagai 'Bandar Kembar' Bandaraya Istanbul sewaktu lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad ke negara Turki. Perisytiharan ini adalah kerana terdapat ciri-ciri persamaan antara kedua-dua bandar tersebut, di samping untuk memperkuatkan hubungan dan kerjasama menerusi program-program pelajaran, kebudayaan, sosial, ekonomi, pertukaran teknologi dan sebagainya.

Pada hari ini, perkembangan yang sihat dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, politik, budaya, ilmu dan berbagai sektor lain menjadikan Johor Bahru, bandar yang paling pesat membangun di





Taman Linear, kemudahan rekreasi sentiasa dititikberatkan

negara ini. Pada tahun 1992, pihak Majlis berjaya memperolehi kutipan hasil melebihi RM63 juta dengan jumlah pegangan bercukai sehingga Oktober 1993 sebanyak 78,190 pegangan. Selain itu peruntukan pembangunan juga turut bertambah dari setahun ke setahun untuk memenuhi permintaan penduduk Bandaraya yang semakin maju dan moden.

Panorama Johor Bahru kini dipenuhi dengan bangunan-bangunan pencakar langit serta dilingkari dengan lorong-lorong serta jalan-jalan raya di segenap sudut.

Tanggal 1 Januari 1994 pastinya menjadi tarikh keramat bagi penduduk Johor Bahru khususnya dan rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim amnya apabila ia diisytiharkan sebagai Bandaraya kelima dalam usianya menjangkau seratus tiga puluh lapan tahun. Kejayaan ini adalah hasil titik peluh dan kerjasama seluruh wargakota Johor Bahru yang telah bekerja keras ke arah itu. Bagi seluruh jentera Majlis Bandaraya Johor Bahru, pengiktirafan tersebut melahirkan semangat serta keazaman baru untuk membangunkan Bandaraya ini setanding dengan bandaraya-bandaraya lain di dunia.






*Pemimpin negara mendengar dengan
penuh minat penerangan tentang salah
sebuah projek kondominium di
Bukit Saujana*




Generasi masa depan



*Laungan azan berkumandang dari
menara Masjid Abu Bakar*



*Lama dan baru, mengindahkan
pemandangan Johor Bahru*




*Jalan Tebrau, salah sebuah jalan paling
sibuk di waktu siang, begitu indah dan
tenang di waktu malam*



*Mercu tanda mengindahkan panorama
Johor Bahru*



Warisan makanan tradisi, dihidang dalam bentuk yang menarik dan menyelerakan



*Stadium Tertutup, tempat berlangsung
acara-acara sukan yang digemari ramai
seperti badminton dan sepak takraw*



*Pembangunan sedang rancak
dilaksanakan*



*Perpustakaan Sultan Ismail menyediakan
pelbagai koleksi yang memenuhi
keperluan setiap golongan pembaca*



Universiti Teknologi Malaysia memainkan peranan penting dalam melahirkan para profesional bagi memenuhi keperluan tenaga mahir menjelang tahun 2020



Bukit Saujana, projek perumahan dan perdagangan yang sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap menjelang tahun 1995



*Kerja-kerja dalam pembinaan ...
pemandangan biasa sebuah bandaraya
yang membina kejayaan*



Pasar Larkin yang baru dibina turut menyediakan kemudahan tempat meletak kereta yang mencukupi



*Landscape yang mendamaikan di
Taman Linear*



*Menara Mahkota, bergemerlap di
waktu malam*



*Masjid Abu Bakar yang dibuka pada 1900
adalah antara masjid tertua di negara ini*

JOHOR BAHRU

Masa Depan



Johor Bahru sedang mengalami proses transformasi

Johor Bahru memiliki keistimewaan-keistimewaan untuk muncul sebagai sebuah bandaraya utama di rantau ini. Menerusi Rancangan Struktur yang dijalankan dan ulangkaji setiap lima tahun, pembangunan Johor Bahru sedang dirancang dengan begitu teliti dan teratur. Arah tujuan pembangunan ini adalah untuk menukar bentuk bandar Johor Bahru, daripada bandar yang kurang tersusun dan kemas kepada sebuah bandaraya yang unik, menarik dan efisyen, di samping menonjolkan imejnya di pentas antarabangsa.

Keperluan-keperluan bagi proses transformasi tersebut telah pun dikenalpasti yang merangkumi elemen-elemen berikut:

- Mewujudkan pusat bandar yang menarik, besar dan tidak sesak.
- Menyediakan sistem pengangkutan yang cekap

sama ada awam atau persendirian dan memperbaiki rangkaian laluan dengan Singapura.

- Mempastikan pertumbuhan yang dikawal dan diselaraskan.
- Membangunkan pelbagai perkhidmatan, kemudahan serta tarikan secara komprehensif.
- Mewujudkan dan mengekalkan alam persekitaran yang berkualiti tinggi.
- Mengkalkulkan ciri-ciri yang unik bagi Johor Bahru yang memberikannya identiti yang berbeza dengan Singapura.

Usaha untuk menginternasionalisasikan Johor Bahru merupakan strategi yang menjadi teras pembangunan Johor Bahru yang mengandungi komponen-komponen untuk menjadikan bandaraya ini sebagai:

- Tapak pemilihan kepada agensi-agensi tempatan dan antarabangsa.
- Pusat membeli-belah yang terkenal (Syurga Membeli-Belah).

- Lokasi penginapan untuk para pelancong yang selesa, cantik dan menarik serta digemari ramai.
- Cermin warisan budaya Malaysia.
- Pusat rangkaian pengangkutan dan komunikasi yang canggih dan menyeluruh.

Mercu-mercu tanda baru akan muncul dalam beberapa tahun lagi apabila projek-projek raksasa yang menelan berjuta-juta ringgit siap satu demi satu. Menjelang tahun 1995 sebuah Zon Perdagangan Bebas akan memenuhi kawasan seluas 25,960 meter persegi di Stulang Laut. Projek bernilai RM128 juta itu akan mempunyai berbagai kemudahan dan keistimewaan yang dijangka dapat menarik beribu-ribu pelancong asing dan tempatan, sekaligus mewujudkan

lebih 10,000 peluang pekerjaan. Kompleks serba moden ini akan dilengkapi dengan pusat membeli-belah, hotel, tempat letak kereta, restoran terapung serta k e m u d a h a n - kemudahan rekreasi.


Satu keistimewaananya yang dijangka akan menjadi daya tarikan utama adalah kaedah perhubungan antara Johor Bahru dengan Singapura, iaitu menerusi laut. Sebuah terminal feri yang akan dilengkapi dengan pejabat Kastam dan Imigresen akan mengurangkan kesesakan di Tambak Johor di samping dapat melegakan perjalanan antara Desaru dan lain-lain terminal feri di Pantai Timur/Johor Bahru, serta menggalakkan industri pelancongan di bandaraya ini.

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang akan menghiasi kawasan seluas 3.5 hektar di Bukit Cagar, dijangka menjadi tumpuan seluruh penduduk rantau ini mengenai masa depan Johor Bahru. Pembangunan setinggi 53 tingkat ini akan dilengkapi dengan sebuah kondominium mewah, pusat perdagangan antarabangsa, sebuah hotel bertaraf lima bintang dan ruang pejabat. Sementara di tingkat bawahnya pula disediakan sebuah kompleks membeli-belah dan tempat letak kereta.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan serba lengkap dan moden ini, Johor Bahru dijangka



Antara projek raksasa yang menelan berjuta-juta ringgit



'Dengan terlaksananya semua projek ini, Johor Bahru akan melalui proses internasionalisasi yang akan menjadikan bandaraya ini sebagai zon ekonomi khas bagi memberi pelbagai insentif kepada syarikat antarabangsa dan institusi kewangan'

*Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin
Haji Mohd Yassin*

menjadi pusat persidangan antarabangsa yang mampu bersaing dengan negara-negara di sekitarnya seperti Singapura dalam tempoh lima tahun lagi.

Selain dari itu, dengan terlaksananya projek "Bandaraya Pesisiran Pantai Johor Bahru", Selat Tebrau akan meletakkan Johor Bahru dalam peta antarabangsa sebagai pusat perdagangan, persidangan dan kewangan di rantau ini, di samping pusat pelancongan terkemuka. Projek tersebut yang akan melibatkan perbelanjaan melebihi RM4 bilion serta mengambil tempoh masa yang panjang iaitu antara 15 hingga 20 tahun, akan merangkumi kerja-kerja melebarkan jalan, pembinaan hotel bertaraf antarabangsa pusat konvensyen dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Selaras dengan matlamat Johor menjadi negeri termaju di Malaysia menjelang tahun 2005, projek ini dianggap sebagai 'Pembangunan Semula Bandar Johor Bahru'. Seluas satu juta meter persegi telah diperuntukkan untuk ruang komersil iaitu lebih tiga kali ganda daripada

ruang yang sedia ada di pusat bandar Johor Bahru pada hari ini. Apa yang menarik, projek ini mempunyai konsep baru yang inovatif kerana ia tidak melibatkan kerja-kerja penimbusan Selat Tebrau, sebaliknya pembangunan berkonseptan pembinaan pelantar atas air.

Johor Bahru juga akan memikmati sistem telekomunikasi yang canggih dan menyeluruh apabila pelbagai projek telekomunikasi bernilai lebih RM700 juta di negeri ini siap sepenuhnya menjelang 1997. Pelaksanaan projek itu juga seiring dengan persediaan Johor menjadi Teknopolis Malaysia pada tahun 2005. Negeri ini dijangka menikmati sistem telekomunikasi moden yang dapat memanfaatkan semua sektor termasuk pengguna di rumah. Dengan terlaksananya semua projek tersebut, membolehkan Johor mencapai matlamat 40 daripada 60 penduduk bandar di seluruh negeri mempunyai satu set telefon.

Dalam tempoh beberapa tahun lagi, kesesakan jalan raya di bandaraya ini dijangka dapat

dikurangkan apabila sistem pengangkutan awam baru diperkenalkan berikutnya pembukaan terminal awam di Larkin yang akan beroperasi tidak berapa lama lagi. Selain dari itu, beberapa projek melibatkan pembinaan jalan bawah tanah (sub-way), jejambat dan jalan lingkaran dalam (innering road) dijangka akan melicinkan lalu lintas di dalam pusat bandar dan kawasan sekitarnya.

Beberapa alternatif lain juga sedang dikaji untuk mengatasi masalah kesesakan, selain daripada projek pembesaran Tambak Johor yang akan siap pada awal tahun 1994. Sebuah Sistem Transit Cepat (MRT) akan

diperkenalkan lanjutan daripada rancangan kerajaan Singapura untuk meluaskan perkhidmatan MRT ke Woodlands.

Projek pembangunan Pusat Bandar Tampoi yang menggunakan konsep 'Pedestrianisation' akan melibatkan pembinaan ruang-ruang pejabat, kompleks membeli-belah, hotel, kemudahan rekreasi, perumahan dan lain-lain. Pembangunan semula kawasan seluas 300 ekar ini yang akan mengambil masa antara 15 hingga 25 tahun, akan memberi imej baru kepada bandar Tampoi serta menjadi model pusat bandar yang lengkap dengan segala keperluan. Begitu juga dengan projek-projek pembangunan semula tanah yang

lain seperti Bukit Saujana, Kompleks Perdagangan di Jalan Datin Halimah dan di tapak pasar borong Tampoi, dijangka akan memberi imej dan corak baru kepada bandaraya Johor Bahru di masa depan.



Projek pembangunan Pusat Bandar Tampoi



Dewan Jubli Intan dilengkapi dengan berbagai kemudahan untuk acara-acara rasmi peringkat kebangsaan dan antarabangsa



*Projek demi projek dirancang dan
dilaksanakan bagi memenuhi cabaran
sebuah bandaraya*



*Panorama Johor Bahru kini mula
dilingkari bangunan-bangunan
pencakar langit dan jalan-jalan raya di
setiap sudut*



*Jeti Stulang, merentang ke tengah
Selat Tebrau*



Pusat membeli-belah dihias indah khususnya menjelang sesuatu perayaan



*Sektor perindustrian terus berkembang
dan menyumbang 35.8 peratus peluang
pekerjaan kepada rakyat negeri ini
pada tahun 1992*




Projek Pasar Borong di Pandan akan menyediakan lebih banyak ruang perniagaan bagi menggantikan pasar borong sekarang yang semakin sesak




Pembangunan semula tanah diberi perhatian bagi mengoptimakan penggunaan tanah di bandaraya yang sedang pesat membangun



Tenaga buruh memainkan peranan penting dalam menjadikan Johor negara perindustrian yang maju



Y.A.B. Perdana Menteri dan Dr. Siti Hasmah sungguh berminat mendengar penerangan mengenai projek-projek Johor Bahru di masa depan




*Dataran Bandaraya dilengkapi dengan jam besar
di keempat-empat penjuru*



Rumah pangsa 5 tingkat semakin popular bagi memenuhi keperluan perumahan penduduk bandaraya yang semakin bertambah




Senyuman wargakota bandaraya



*Kondominium, indah dan selesa untuk
penduduk bandaraya yang semakin
matang dan moden*



*... bandaraya antarabangsa yang unik,
menarik dan efisyen. Johor Bahru akan
mewarnai peta antarabangsa
menjelang 2005*



*Dataran Bandaraya..... menandakan bermulanya
era baru bagi bandar Johor Bahru*

Sekalung Penghargaan

*ditujukan istimewa kepada pertubuhan-pertubuhan
kerajaan dan pihak swasta serta orang-orang
perseorangan di atas segala kerjasama yang telah
diberikan khusus untuk menghasilkan
penerbitan khas ini.*

Terima kasih